



# CCP LAW – NEWSLETTER KE-5



## Mesyuarat Transnational ke-4 di Pune, India

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 11 hingga 16 September 2023. Ahli penyelidik dari Hue University, Coventry University, Universiti Utara Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, University of Girona, Hanoi Law University, Symbiosis International University, European Knowledge Spot dan PEDMEDE telah hadir secara fizikal di Symbiosis Law School, Pune, Symbiosis International University, India. Semasa Mesyuarat Transnasional ke -4 terdapat hari-hari yang dikhususkan untuk perbincangan kemajuan projek dan apa yang perlu disiapkan. Perkara utama lain dalam minggu tersebut ialah pertemuan dengan pemberita, aktiviti rangkaian, Perbincangan Meja Bulat Serantau Kepentingan dan Promosi Kurikulum Undang-undang dan Polisi Perubahan Iklim, Seminar Serantau Perspektif Terkini Undang-undang dan Polisi Perubahan Iklim dan perasmian ‘Pusat Polisi dan Undang-undang Perubahan Iklim Symbiosis’ yang direka indah. Tambahan lagi, pasukan dari Coventry University telah menyampaikan dua sesi menarik pembangunan kapasiti untuk pembelajaran sepanjang hayat melalui pembelajaran jarak jauh. Rakan projek telah mendapat peluang yang unik untuk mengeksplorasi rekabentuk kursus dengan pembelajaran teradun menggunakan Kaedah Carpe Diem yang inovatif. Minggu tersebut berakhir dengan solusi untuk tindakan masa akan datang dan tarikh akhir untuk mencapai objektif projek ini.

### Sorotan Newsletter

MESYUARAT TRANSNASIONAL KE-4 DI PUNE, INDIA

OBJEKTIF

MEJA BULAT SERANTAU

SEMINAR SERANTAU

PELANCARAN PUSAT POLISI DAN UNDANG-UNDANG PERUBAHAN IKLIM

GAMBAR

## Objektif

Mesyuarat Transnational ke-4 mempunyai beberapa objektif:

- Semakan kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh ahli projek
- Perbincangan Pembangunan Platform CCP Law
- Perbincangan pemberat dan pembahagian subjek CCP Law
- Perbincangan Modul Pembangunan Latihan Guru
- Sesi pembangunan kapasiti untuk pembelajaran sepanjang hayat melalui pembelajaran jarak jauh Learning
- Perbincangan isu-isu berkaitan pengurusan projek, kewangan dan pencegahan risiko



# Meja Bulat Serantau pada 11 September 2023

Perbincangan Meja Bulat Serantau Kepentingan dan Promosi Kurikulum Undang-undang dan Polisi Perubahan Iklim telah dianjurkan dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menyampaikan kursus pembelajaran mengenai undang-undang dan polisi perubahan iklim dan untuk berinteraksi dengan pemegang taruh utama. Dr. Gurpur memberikan gambaran keseluruhan tema, memfokuskan kepada usaha global, kebangsaan dan tempatan bagi penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim. Dr. Deshpande membincangkan cabaran berkaitan penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim, diikuti Mr. Shwetal Shah yang membicarakan cabaran khusus di Gujarat. Dr. T R Subramanya memberikan dimensi global dan Asia, dan menekankan keperluan pembangunan kurikulum yang melibatkan pemegang taruh. Dr. Prakash memberikan kajian kes yang menunjukkan cabaran dan solusi polisi dan pengurusan perubahan iklim, sementara Dr. Yogesh Brahmkankar berkongsi ehwal keusahawanan dan inisiatif hijau dari pengalamannya di SIU. Majlis seterusnya menjemput maklum balas daripada peserta. Secara keseluruhan, program ini menyajikan pemegang taruh dari pelbagai kumpulan termasuk pengurusan tertinggi, staf akademik, staf pentadbiran, NGOs, pantadbir dalam Pendidikan persekitaran, dan organisasi masyarakat sivil untuk perbincangan yang lengkap mengenai undang-undang dan polisi perubahan iklim, termasuk perspektif daripada pelbagai pemegang taruh dan pakai. Liputan media: <https://www.youtube.com/watch?v=Hwza-GIEpWI>

# Seminar Serantau pada 13 September 2023

Seminar Serantau Perspektif Terkini Undang-undang dan Polisi Perubahan Iklim mengumpulkan pakar dalam pelbagai sesi plenari bagi menangani cabaran persekitaran dan mencadangkan solusi. Dr. Gurpur membincangkan kepentingan kolaborasi pelbagai disiplin, menekankan keperluan Pendidikan praktikal dan penglibatan masyarakat untuk menghadapi perubahan iklim. Penceramah membincangkan kelemahan India terhadap kesan iklim dan menekankan keperluan menggabungkan sains, pengurusan dan undang-undang ke dalam kurikulum Pendidikan. Prof. Barucha menyatakan hubungan rumit antara biodiversiti dan perubahan iklim, mencadangkan integrasi antara rangka undang-undang dan Pendidikan. Mr. Sanjay Kolte menunjukkan inisiatif-inisiatif yang Berjaya seperti projek Bandar Pintar Pune, memfokuskan pengangkutan, tenaga dan pengurusan sisa mampan. Perbincangan dilanjutkan kepada cabaran perundangan, rangka hak kemanusiaan, dan strategi pengurusan sisa yang diselaraskan dengan SDGs. Para peserta menekankan kepentingan tadbir urus korporat mampan dan inisiatif didahului komuniti dalam mempromosi kemampan persekitaran. Selok belok perundangan berkait pemuliharaan sungai dan kepentingan ekologi hutan simpan turut dibincangkan. Seminar serantau yang dihadiri lebih 150 delegasi secara hybrid, berakhir dengan pelan tindakan dan penekanan kepada kepentingan melaksanakan solusi yang mampan bagi menangani perubahan iklim.

# Perasmian Pusat Polisi dan Undang-undang Perubahan Iklim

Pusat Polisi dan Undang-undang Perubahan Iklim Symbiosis telah dirasmikan pada 11 September 2023 oleh Dr. Vidya Yeravdekar, Pro Chancellor, SIU. Komputer, mesin cetak, papan pintar dan peralatan lain ditempatkan di Pusat ini telah diperolehi menggunakan dana yang disediakan oleh Projek ini. Sementara kelengkapan dan infrastruktur lain disediakan oleh SIU. Dr. Guprur telah menerangkan kepada delegasi dan media Bagaimana Pusat itu boleh digunakan sebagai makmal Latihan dan pembelajaran prasiswazah dan pascasiswazah undang-undang, program pembangunan fakulti dan menjalankan penyelidikan perundangan klinikal dalam bidang polisi dan undang-undang perubahan iklim. Liputan Media: <https://www.youtube.com/watch?v=X250AimMp2g>

## Gambar

